

**TEKS UCAPAN**  
**DATO' MAIMUNAH MOHD SHARIF**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**SEMPENA TAKLIMAT KESETARAAN GENDER DAN**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN: APA KAITANNYA?**  
**PADA 29 MAC 2016 (SELASA)**  
**DI AUDITORIUM MPSP, BANDAR PERDA**

---

**Terima kasih Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Berhormat Puan Chong Eng**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO)  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa  
Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Komuniti

**Yang Dihormati Datin Rohana Abdul Ghani**

Ahli Lembaga Pengarah  
Penang Women's Development Corporation (PWDC)

**Yang Dihormati Puan Karen Lai Yu Lee**

Pengurus Program Pemerkasaan dan Kepimpinan Wanita  
Merangkap Pemangku Ketua Pegawai Operasi PWDC

**Ahli Majlis-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

dan

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang Saya Hormati Sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera.**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya telah memberi kita semua kesihatan dan juga kelapangan yang baik pada hari ini untuk berkumpul di dalam Auditorium bagi mendengar dan mengetahui dengan lebih lanjut mengenai Kesetaraan Gender dan Pihak Berkuasa Tempatan: Apa Kaitannya? Terlebih dahulu, saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Chong Eng, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa untuk hadir ke Taklimat Kesetaraan Gender dan Pihak Berkuasa Tempatan: Apa Kaitannya? pada pagi ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**

Pada 8 Mac 2016 yang lalu, Hari Wanita Sedunia 2016 telah disambut di seluruh dunia dan Negeri Pulau Pinang di bawah Jawatankuasa Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti dengan kerjasama PWDC telah mengadakan pelbagai program sepanjang bulan Mac ini dan taklimat pada hari ini adalah salah satu daripada program yang dijalankan.

Tema Sambutan Hari Wanita Sedunia 2016 Negeri Pulau Pinang adalah “Bersama Menjamin Kesetaraan”. Di bawah tema ini, terdapat empat (4) teras utama yang dipilih iaitu: -

- Teras 1 : Membantu wanita dan gadis mencapai cita-cita dan potensi penuh mereka,
- Teras 2 : Menyeru untuk kepimpinan yang seimbang gender,
- Teras 3 : Menghormati dan menghargai perbezaan gender dalam keluarga, tempat kerja dan masyarakat, dan
- Teras 4 : Membina budaya hormat dan tidak ganas yang lebih inklusif dan fleksibel.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**

Majlis Perbandaran Seberang Perai telah melaksanakan program Bajet Responsif Gender & Partisipatori atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) sejak tahun 2012 bagi memastikan keperluan semua kumpulan yang berbeza di Seberang Perai tercapai. Matlamat utama program GRPB di MPSP adalah untuk mengenal pasti keperluan orang yang berbeza di dalam kelompok komuniti yang berbeza serta membantu untuk mengeratkan hubungan antara MPSP dengan warga Seberang Perai.

Tujuannya adalah untuk memastikan bahawa proses penentu dasar dan peruntukan bajet disediakan berdasarkan keutamaan keperluan dalam masyarakat. Ia merangkumi dengan mengadakan dialog bersama penduduk dan komuniti, pengumpulan data yang lebih sistematik yang membolehkan penilaian perbelanjaan bajet mengikut gender dan lain-lain.

Pada 26 Mac 2016 (Sabtu) yang lalu, MPSP telah mengadakan Sesi “Town Hall” Dialog Bajet MPSP 2017 di Hotel Ixora dan ia dijalankan dengan jayanya. Pelbagai pandangan dan cadangan telah diberi oleh wakil penduduk Seberang Perai bagi memastikan Bajet 2017 akan lebih memenuhi kehendak dan keperluan penduduk Seberang Perai.

## TEKS UCAPAN

MPSP telah menjalankan projek perintis menggunakan model GRPB di Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar milik MPSP. Proses ini telah mengambil masa selama lapan (8) bulan dan akhirnya satu projek penyediaan taman rekresasi dengan pelbagai kemudahan iaitu outdoor gym dan gazebo telah disediakan dengan peruntukan sebanyak RM50,000.00.

Satu lagi kejayaan GRPB adalah pembersihan di Rumah Pangsa PPR Ampangan, Ampang Jajar di mana ia dilaksanakan oleh penduduk Rumah Pangsa PPR Ampangan ini sendiri. Ini telah membolehkan MPSP memperkasakan rakyat dalam menentukan persekitaran yang lebih bersih untuk penduduk masing-masing iaitu *delegation and empowerment*.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**

Dari segi pentadbiran MPSP, jumlah pegawai wanita di MPSP adalah seramai 541 orang berbanding dengan jumlah pegawai lelaki seramai 3,061 orang. Jurang yang besar adalah disebabkan jenis tugas yang dijalankan di lapangan menerima lebih ramai permohonan di kalangan lelaki. Walau bagaimanapun, MPSP sedang berusaha untuk merapatkan jurang ini. Manakala untuk kumpulan Pengurusan dan Profesional atau P & P, jumlah pegawai wanita adalah seramai 29 orang berbanding dengan jumlah pegawai lelaki seramai 33 orang. Ini menunjukkan kesetaraan gender hampir tercapai.

Kini, MPSP sedang melihat dari pelbagai perspektif dan sudut yang berbeza bagi mencapai kesetaraan gender sama ada untuk kakitangan dalaman ataupun penduduk Seberang Perai. Pada tahun ini, MPSP akan memulakan empat (4) projek perintis GRPB di mana ia akan melalui empat (4) fasa iaitu bincian, kumpulan tumpu bincang, undian dan pelaksanaan projek. Empat (4) projek perintis GRPB tersebut adalah: -

## TEKS UCAPAN

- (i) Kontrak pembersihan di Pulau Aman iaitu di bawah Jabatan Perkhidmatan Perbandaran,
- (ii) Projek menaik taraf Taman Tunku, Seberang Jaya dan Vision Park, Kepala Batas di bawah Jabatan Landskap,
- (iii) Projek menaik taraf Kompleks Makanan Taman Chai Leng di bawah Jabatan Kejuruteraan dan Pelesenan, dan
- (iv) Projek meningkatkan keselamatan di PPR Ampangan, Ampang Jajar di bawah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Projek ini akan dijalankan oleh Jabatan Dalaman MPSP dengan bantuan tunjuk ajar dari pihak PWDC. Diharapkan projek ini akan dapat mencapai kehendak dan keperluan kumpulan gender yang terlibat.

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**

Saya adalah merupakan *Global Executive Committee of ICLEI (International Council of Local Environmental Initiatives)* mewakili SEA yang beribu pejabat di Bonn, Jerman. Semasa saya menghadiri satu conference ICLEI di Seoul, Korea, saya dan seorang ahli iaitu Pn. Cathy Oak Dew telah memperjuangkan isu gender dalam ICLEI. Hanya kami dua (2) orang wakil sahaja dari 14 orang Ahli Jawatankuasa yang memperjuangkan isu ini.

Akhirnya, agenda kesetaraan gender berjaya dimasukkan yang hendak diperjuangkan oleh ICLEI dalam pembangunan mampan. Peranan gender atau wanita dalam pembangunan serta aspek kehidupan. Di samping itu, MPSP juga merupakan ahli UN Habitat di bawah *sustainable cities and committee* terdapat 17 goals. Di bawah goal ke-11 iaitu *make cities and human settlements inclusive, safe, resilient and sustainable*.

Perkara 11.2 iaitu *by 2030, provide access to safe, affordable, accessible and sustainable transport systems for all, improving road safety, notably by*

## TEKS UCAPAN

*expanding public transport, with special attention to the needs of those in vulnerable situations, women and children, persons with disabilities and older persons. Manakala perkara 11.7 iaitu by 2030, provide universal access to safe, inclusive and accessible, green and public spaces, in particular for women and children, older persons and persons with disabilities.*

### **Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**

Sebagai Yang Dipertua MPSP, besarlah harapan saya agar kehadiran tuan-tuan dan puan-puan dalam taklimat ini dapat membuka minda dan memberi perubahan kepada cara kerja sehari-hari tuan-tuan dan puan-puan. MPSP tidak akan berjaya mencapai visi dan misi jika tanpa kerjasama dari tuan-tuan dan puan-puan.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Chong Eng yang akan memberi ucapan perasmian dan semua yang sudi hadir pada hari ini.

Dengan itu, saya sudahi dengan Wabillah Hitaufik Walhidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.